

BAB II

N I K A H

Perkahwinan biasanya kurang menimbulkan problem-problem yang rumit sungguhpun ada kejadian kahwin lari, tangkap basah, orang yang mengaku bapa benar kepada anak gadis angkatnya dan sebagainya.

Seperti yang diperuntukkan bagi negeri Perak sesuatu nikah itu hanya boleh diadakan mengikut Hukum Syarak oleh pendaftar bagi tempat nikah itu diadakan. Dan sebelum mengadakan nikah itu hendaklah dibuat penyiasatan yang penuh supaya memuaskan hatinya yang tiada halangan yang sah mengikut Hukum Syarak dan adat Melayu.¹

Bagi maksud ini beberapa borang perlu diisi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu perkahwinan itu.

Borang-borang itu seperti berikut:

- | | | |
|----------|---|----------------------------|
| Borang 1 | - | untuk diisi oleh lelaki. |
| Borang 2 | - | untuk diisi oleh perempuan |

1. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perak, seksyen 120.

Borang 3 - untuk diisi oleh wali.

Borang 5 - untuk laporan.

Tiap-tiap nikah pula mesti didaftarkan, dan bayaran pendaftaran hendaklah dijelaskan. Dan pendaftar akan memasukkan ini ke dalam buku daftar yang ada.

Intisari upacara perkahwinan adalah akad nikah yang dijalankan menurut hukum syarak, iaitu perkahwinan barulah sah, jika didasarkan atas ijab (satu ikrar yang diucapkan oleh salah satu dari yang membuat perjanjian) dan kabul (penerimaan dari pihak lain) kerana perkahwinan menurut hukum syarak adalah satu perjanjian sivil (kontrek).²

Seperti yang diamalkan di Malaysia mengikut mazhab Shafie - unsur-unsur ini perlu ujud bagi sahnya sesuatu nikah.

- i. Ijab dari satu pihak.
- ii. Kabul dari pihak yang lain.
- iii. Dihadapan dua saksi lelaki Islam yang berakal dan telah dewasa.

2. Abdullah Siddek, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, penerbitan Universiti Malaya, tahun 1975, m.s. 163.

iv. Kata-kata itu wajib dinyatakan dengan tegas bahawa satu perjanjian perkahwinan telah dilangsungkan.

v. Persetujuan dari perempuan yang akan dikahwinkan itu wajib diberi melalui walinya.

Dalam hal-hal wali menolak persetujuan atas perkahwinan, pendaftar mesti mendapatkan persetujuan dari raja. Dan telahpun diperuntukkan bagi negeri Perak - pendaftar boleh mengadakan nikah perempuan yang tiada ber-wali. Jika wali perempuan yang akan nikah itu enggan membenarkan nikah itu dengan tiada sebab-sebab yang diluluskan oleh hukum syarak maka nikah itu bolehlah diadakan oleh Kadi dengan syarat perempuan itu berumur lapan belas tahun atau lebih. Sebelum mengadakan nikah itu maka Kadi hendaklah menjalankan siasatan. Di daerah ini pernah terjadi kes wali Hakim yang agak menarik.

Kes Normah v Abdullah

Encik Abdullah mendapati anaknya Normah telah jatuh cinta dengan seorang pemuda bernama Mat Zain. Normah berumur 25 tahun dan bekerja sebagai kerani sebuah Jabatan Kerajaan di sini. Manakala Mat Zain berumur 27 tahun bekerja sebagai pelayan pejabat dalam sebuah bank Swasta di sini. Pihak lelaki pernah membuat peminangan secara resmi tetapi telah ditolak oleh Encik Abdullah dengan alasan tidak sekufu. Peminangan telah dibuat sebanyak dua kali dan kedua-duanya telah ditolak dengan alasan yang sama.

Normah dan Mat Zain terus berjumpa dan berjanji akan kahwin walau dengan apa cara sekalipun. Normah telah membawa tuntutan di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan keputusan agar Encik Abdullah sanggup menjadi wali. Mahkamah telah menolak tuntutan tersebut dan memberikan keputusan kepada Encik Abdullah. Berikutan dengan itu Normah telah dikurongkan oleh Encik Abdullah dan dikawal rapi semasa ke tempat kerja.

Akhirnya Normah telah dapat melepaskan diri bersama dengan Mat Zain menuju ke Ipoh. Mereka menghadap Sultan Perak. Sultan akhirnya memerintahkan Kadi Teluk Anson menjadi wali Hakim.³

Lelaki yang datang dari luar daerah ini mestilah membawa surat akuan bujang atau lain-lain keterangan mengenai dirinya dari Kadi atau Naib Kadi tempatnya. Ini perlu jika ia hendak kahwin di tempat ini (Teluk Anson). Tentera yang ingin berkahwin di daerah ini juga perlu membawa surat akuan dari guru agama tentera. Mahkamah ini juga mengeluarkan surat kepada lelaki yang ingin berkahwin di luar daerah ini.

Cerai

Sebab-sebab Am: Pada lazimnya dalam aspek cerai hal-hal berikut selalu berbangkit secara umum iaitu:⁴

3. Kes 11.1.1976. Dalam Mahkamah Syariah Teluk Anson.

4. Abdul Ghani Abdul Jalil, "Peranan Kadi Dalam Masyarakat", dalam Utusan Kiblat, bil. 59, (June, 1975) m.s. 42.

RAJAH 3

CONTOH REKOD PENDAFTARAN
NIKAH

Nama Lelaki	Nama Bapa Lelaki	Nama Perempuan	Nama Bapa Perempuan	Nama Wali Wakil	Nama Saksi	Banyak Mas Kahwin	Tempat Nikah	Tarikh Nikah	Taalik
Zakaria	Daud	Munah	Jali	Kadi Teluk Anson	1. Osman 2. Yob	\$100 tunai	Pejabat Kadi	4.1.68	Lafaz taalik 1)..... 2).....
Ramli	Osman	Khadijah	Baharudin	Kadi Teluk Anson	1. Awang 2. Omar	\$100 tunai	Pejabat Kadi	6.1.68	Lafaz taalik 1)..... 2).....

Sumber: Buku Daftar Nikah Daerah Teluk Anson

(1) Seorang isteri dituduh engkar sedang si isteri pula menudoh suaminya bersikap kejam terhadapnya.

(2) Suami berazam menceraikan isterinya kerana si isteri telah tidak melayaninya. Suami juga mengaku mahu kahwin lain kerana perlukan anak sebab isterinya tidak beranak.

(3) Isteri menuntut cerai taalik kerana suami tidak pulang memberi nafkah atau mengirikkannya nafkah. Saksi-saksi pula tidak dapat memastikan benar atau tidak si suami pulang.

(4) Suami menudoh isteri curang kerana didapati berbual-bual dirumahnya sendiri dengan lelaki yang tidak dikenali oleh si suami, suami berazam menceraikan isterinya.

Daripada pemerhatian yang dibuat, sebab-sebab penceraian di daerah ini adalah seperti berikut:-

(1) Kekurangan pengetahuan dan didikan yang boleh memimpin mereka di dalam rumahtangga yang aman.

(2) Ketiadaan Kufu antara suami dan isteri.

(3) Perkahwinan yang tidak disertai oleh orang tua kedua belah pihak.

(4) Perkahwinan yang semata-mata mengikut kemahuan ibubapa yang boleh dikatakan paksa (tidak banyak lagi berlaku dimasa ini).

(5) Kawinskinan.

(6) Perkahwinan yang mudah (kedua-dua pihak mengabaikan tanggungjawab).

(7) Tinggal bersama dengan mertua.

(8) Perkahwinan lebih dari satu (bermadu).

(9) Perkahwinan beranak tiri.

(10) Pihak-pihak perkahwinan landah umur.

Dalam aspek inilah nampaknya Kadi berfungsi mengikut kebijaksanaan masing-masing, tugasnya bukanlah setakat hanya menjatuhkan hukuman ke atas pihak yang sabit kesalahannya. Kadi seboleh-bolehnya cuba mengelakkan perkara-perkara halal yang paling dibenci oleh Allah dari berlaku. Hakikat dari tindakan Kadi itu sebenarnya untuk kediaman rumahtangga yang adakalanya telah berbelas tahun didirikan.

Cerai Dengan Talak

Adapun talak itu ialah memutuskan perhubungan suami isteri dengan cara-cara yang tertentu dan ialah satu jalan yang diberi kepada lelaki untuk digunakan sebagai ikhtiar yang paling akhir bagi memadamkan perbalahan diantaranya dengan isterinya. Walaupun ia merupakan perkara yang harus dijalankan tetapi sangat-sangat diharapkan dielakkan seperti maksud hadith;

"Sekeji-keji perbuatan Halal ialah talak"₅

oleh yang demikian sebelum seseorang itu memberi kata talak ke atas isterinya adalah patut sangat ia menurut peraturan yang telah disediakan (oleh ugama) supaya dapat dicantumkan semula perhubungan yang hampir putus itu. Peraturan itu adalah seperti berikut:

(1) Memberi nasihat kepada pihak yang bersalah dengan secara yang munasabah.

(2) Kedua memberi amaran sehingga harus si suami itu mengasingkan diri dari tempat tidur isterinya dengan tiada meninggalkan rumah itu.

5. Abdullah Siddek, Hukum Perkahwinan Islam, penerbitan Tintaemas Jakarta (1968), ms. 69.

Sekiranya tiada berkesan dan tidak juga padam perbalahan itu maka hendaklah suami itu mengadu kepada Kadi ditempatnya dan Kadi itu hendaklah menasihatkan pihak-pihak tersebut.

Di Perak telah diperuntukkan bahawa seorang suami boleh menceraikan isterinya mengikut undang-undang Islam tetapi suami yang hendak menceraikan isterinya mestilah menghantarkan permohonan dalam borang tertentu yang boleh didapati dari pendaftaran dan setelah menerima permohonan itu, pendaftar dengan tujuan melaksanakan perdamaian hendaklah menyiasat terhadap permohonan dan isterinya seberapa yang difikirkannya munasabah. Manakala tiada perdamaian pendaftar hendaklah mendaftarkan cerai itu.⁶

Cerai Dengan Taalik

Seseorang yang telah ditaalikkan cerainya dengan sesuatu sifat maka bolehlah ia menuntut di Mahkamah mensabitkan cerainya dan mahkamah itu boleh menyiasat dan menimbang tuntutan itu dan jika sabit pada pandangannya maka boleh mengesahkan cerai itu.⁷ Lafaz taalik yang umum digunakan ialah seperti berikut;

6. Seksyen 124.

7. Seksyen 126.

(1) Tiap-tiap aku tinggalkan atau tiada aku memberi nafkah yang layak bagiku akan isterikubinti..... tiga bulan atau lebih lamanya dan mengadu ia kepada mana-mana Kadi Syarak dan sabit pengaduannya pada sisi Kadi itu maka tertaaliklah isteriku dengan satu talak.

(2) Jika ada perbalahan diantara kedua aku laki isteri maka mengadu isterikubinti.....kepada mana-mana Kadi Syarak dan sabit pengaduannya pada sisi Kadi itu maka mengakulah aku akan bertaalik seperti yang dipersetujukan oleh Kadi itu, sekiranya engkar aku daripada bertaalik yang demikian itu maka guguriah satu talak di atas isteriku itu.

(3) Tiap-tiap aku rojok akan isteriku binti.....dengan tiada redanya maka tertaaloklah ia satu talak pula.

Dari catitan rekod-rekod yang ada menunjukkan kes-kes cerai taalik lebih banyak dibicarakan dari kes-kes yang lain.

Kes: Siti Salbiah binti Abdul Rahim v Mohamad Yusuf bin Margidi

Pihak menuntut, mengadu supaya disabitkan cerai taalik fasal 126 Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak tahun 1965. Beliau mengaku

bernikah dengan Mohamad Yusuf bin Margidi pada 20.7.67 dan berdaftar nikah mengikut banci 22/67 dengan Naib Kadi Changkat Jong dan pihak kena tuntutan ada berlafaz taalik.

Selepas nikah mereka tinggal bersama-sama di rumah bapa pihak menuntut di Langkap dengan aman damai sehingga mereka dapat seorang anak. Pihak kena tuntutan meninggalkan rumah pada 13hb. Mei, 1969, bercadang hendak mencari kerja sehinggalah tahun 1973 suami itu tiada jua kembali.

Pihak menuntut mengaku taat kepada suami dengan membuat sumpah. Pihak kena tuntutan diistiharkan ghaib. Setelah usaha untuk menemuinya gagal, perbicaraan dijalankan dengan bukti-bukti yang ada. Mahkamah memutuskan gugur talak.⁸

Kes: Rosmah binti Ismail v Din bin Ismail

Rosmah binti Ismail (21 tahun) tiada kerja duduk di Padang Ponggor di rumah ayahnya, menuntut cerai taalik.

Setelah berkahwin dengan pihak kena tuntutan mereka tinggal di Sungkar Perak selama lebihkurang empat bulan. Selepas itu pihak kena tuntutan telah menghantar Rosmah kembali ke rumah mertuanya. Dan telah meninggalkan pihak yang kena tuntutan selama enam belas bulan tanpa sebarang nafkah. Mahkamah memutuskan bahawa telah sabit cerai taalik.⁹

8. Kes: 12.11.1973 dlm. Mahkamah Syariah, Teluk Anson.

RAJAH 4

CONTOH PENDAFTARAN CERAI

Nama Suami	Nama Isteri	Nama Bapa Suami	Nama Bapa Isteri	Keadaan Talak	Saksi	Tarikh	Tempat Tinggal	Lain-Lain Hal
Haji Badri	Hamisah	Tamin	Ahmad	Talak satu	Kadi	21.10.74	<u>Lelaki</u> Kampong Sungai Kerang <u>Perempuan</u> Kampong Banjar	-
Adnan	Timah	Mohamad Arif	Mat Sidi	Talak satu	Kadi	15.4.75	<u>Lelaki</u> Batu 12, Hutan Melintang <u>Perempuan</u> Parit 9 Sungai Sumun	-

Sumber: Buku Daftar Cerai Daerah

JADUAL I

PENYATA TAHUNAN NIKAH CERAI DAN ROJOK
BAGI DAERAH TELUK ANSON
TAHUN 1975

Bil.	Tempat	Nikah	Cerai	Rojok
1.	Kadi Teluk Anson	53	20	20
2.	Naib Kadi - Durian Sebatang	110	4	-
3.	Naib Kadi - Sungai Manik	73	12	3
4.	Naib Kadi - Sungai Lampam	50	9	-
5.	Naib Kadi - Kota Setia	22	2	1
6.	Naib Kadi - Bandar	8	1	-
7.	Naib Kadi - Labu Kubong	104	11	-
8.	Naib Kadi - Sungai Keli	73	1	-
9.	Naib Kadi - Sungai Sumun	72	1	-
10.	Naib Kadi - Sungai Dulang	39	4	1
11.	Naib Kadi - Teluk Baru	24	2	-
12.	Naib Kadi - Matang Kunda	42	8	1
13.	Naib Kadi - Sungai Balai	28	5	-
14.	Naib Kadi - Sungai Haji Mohamad	121	7	-
15.	Naib Kadi - Sungai Durian	35	-	-
16.	Naib Kadi - Langkap	82	6	-
17.	Naib Kadi - Sungai Lancang	49	5	-
	JUMLAH	1,006	87	8

Sumber: Maklumat Penting Pejabat Ugama Daerah
Teluk Anson

Fasakh

Fasakh boleh didefinisikan sebagai pembatalan kontrak atau perkahwinan dengan mendapat dekree dari mahkamah.

Mengikut mazhab Shafie seorang isteri yang menyedari bahawa suaminya telah mengalami impotent, tidak sempurna akal, dan lain-lain boleh memilih untuk membatalkan perkahwinan itu. Isteri juga boleh menolak perkahwinan itu jika suami tidak sekufu dengannya¹⁰ atau tidak mampu menyaranya.

Pilihan yang sama jua boleh dibuat oleh suami bila ia menyedari yang isterinya menjadi tidak sempurna akal, kusta atau untut atau tidak berjaya melakukan sex atau sebab-sebab fizikal. Tetapi sebab suami ada hak talak, hak fasakh ini jarang digunakan. Di Perak, perkara ini diperuntukkan kepada isteri saja.¹¹

Kes: Asmah binti Keling v Mohamad Bahari bin Arshad¹²

Pihak menuntut membawa tuntutan fasakh sebab suami tidak dapat melaksanakan tugas-tugas sex, sebab suami telah jadi lumpoh, akibat jatuh pokok, pihak kena tuntutan telah gagal memberi bukti bahawa ia sihat dan dapat melaksanakan tugas-tugas sex.

9. Kes 12.10.73

10. Ahmad Ibrahim, Family Law in Malaysia & Singapore, (1973), Faculty of Law University of Malaya, m.s. 259.

Pihak kena tuntutan akhirnya melafazkan lafaz talak di dalam mahkamah. Dan mahkamah pun mengistiharkan sabit fasakh.

Rujuk

Si suami haruslah melapurkan rojok dalam tempoh tujuh hari sesudah rojok kepada pendaftar yang mendaftarkan perceraian itu.

Pendaftar hendaklah melakukan penyiasatan untuk menyakinkannya bahawa telah berlaku rojok secara sah. Dalam hal dimana berlaku rojok sesudah habis masa sebulan dari tarikh perceraian, pemeriksaan dilakukan atas suami dan isteri.

Borang yang digunakan ialah borang tujuh (7). Bayaran yang dikenakan ialah sebanyak dua ringgit (\$2.00). Satu prinsip yang jelas dalam hal ini ialah dimana berlaku cerai disitulah didaftarkan rojok.

Nafkah Tanggongan

Seperti yang diperuntukkan seseorang perempuan yang berkahwin, boleh dengan permintaannya di dalam mahkamah mendapat satu perintah di atas suami-

11. Seksyen 128.

12. Kes: 31.5.1976.

nya kerana bayaran daripada satu masa ke satu masa sebanyak mana wang berkenaan dengan nafkah yang ia boleh berhak menerimanya mengikut hukum syarak. Dan seseorang yang telah diceraikan oleh suaminya boleh dengan permintaannya di mahkamah mendapat perintah di atas suaminya yang dahulu kerana bayaran di dalam eddahnya, jikalau cerai dengan talak satu atau dua ataupun di dalam tempoh perempuan itu mengandung dengan suami yang dahulu sebanyakmana nafkah yang ia boleh berhak menerimanya mengikut hukum syarak.

Dan seorang perempuan atau lelaki yang telah bercerai dengan isterinya berhak mendapat peruntukkan mahkamah mengenai pembahagian harta sepencarian.

Seorang anak dibawah umur lima belas tahun dengan sendirinya atau dengan wakil boleh menuntut di mahkamah agar bapanya yang berhak menanggungnya - membuat bayaran belanja dari semasa kesemasa mengikut hukum syarak yang ia berhak menerima.¹³

Kes: Saniah binti Ajam v Mohamad Isa bin Hj. Derani

Pihak menuntut membuat tuntutan dari pihak kena tuntutan (bekas suaminya) setelah mereka bercerai pada 1.8.70 di Sungai Manik. Mereka telah mendapat

13. Seksyen 138, 139.

seorang anak bernama Ruhini binti Mohamad Isa yang semasa tuntutan dibuat berada dalam jagaan pihak menuntut. Yang kena tuntutan tidak memberi nafkah anak selepas bercerai. Pihak menuntut tidak mempunyai harta, tetapi pihak kena tuntutan ada memiliki dua ekar kebun nenas di kampung Selabak Taluk Anson.

Mahkamah memutuskan setelah menimbangkan beberapa faktor bahawa nafkah anak yang mampu dibayar ialah sepuluh ringgit sebulan.¹⁴

Seorang bapa yang telah diputuskan oleh mahkamah untuk membayar nafkah anak, akan membayar kepada pejabat ini. Cara pembayaran dibuat tiap-tiap bulan samada melalui cek atau surat berdaftar. Pejabat akan memasukkan ke dalam rekod (kepada ruangan penerimaan). Ibu anak-anak itu akan datang menuntut wang nafkah. Pihak pejabat akan menyerahkan wang itu. Dan dicatatkan di dalam (ruang penyerahan). Pejabat ini telah membuat cara baru dalam merekodkan nafkah ini.

Kes harta sepencarian sangat kurang sekali dibicarakan di Mahkamah ini. Satu kes harta sepencarian yang pernah dibicarakan disini ialah kes: Fartimah binti Matarindi v Haji Abdul Manan bin Tir.

14. Kes: 9.11.1973.

Nyataan kes adalah seperti berikut:-

Kedua pihak telah bercerai pada 29.12.68. Di dalam masa berkongsi hidup dengan yang kena tuntutan sebelum bercerai, yang menuntut ada berusaha bersama dengannya atas tanah lot 2118 dan lot 2119 Mukim Labu Kubong luasnya dua ekar pada satu-satu lot jumlah empat ekar. Dari menebang hutan lagi hinggalah tanah itu menjadi dari mengeluarkan hasil kedua keping tanah itu iaitu lot 2118 dan lot 2119 ditanam penuh dengan pokok kelapa dan getah.

Selain daripada berusaha di atas tanah lot 2118 dan 2119 itu, mereka berbandang menanam padi di atas tanah kepunyaan yang kena tuntutan sendiri di Parit 15A Sungai Lampam luasnya lebihkurang enam ekar.

Dari wang simpanan hasil pendapatan jualan padi dan pendapatan jualan ayam itek mereka dapat pula membeli sembilan ekar tanah bendang tetapi dijual balik enam ekar kerana membuat rumah di atas tanah lot 2118 tinggal tiga ekar lagi lot no. 1535 Mukim Labu Kubong. Kesemua tanah itu didaftarkan dengan nama pihak kena tuntutan. Oleh itu pihak menuntut mahukan pembahagian harta sepencarian.

Mahkamah memutuskan setelah jelas dari bukti-bukti yang ada bahawa itu harta sepencarian, pihak kena tuntutan diperintah bayar wang \$1,950 ringgit sebagai nilai harta sepencarian. Pembayaran harus dibuat dalam tempoh sebulan.¹⁵

RAJAH 5

PENERIMAAN BAYARAN NAFKAH TANGGONGAN DAN PEMBAYARANNYA

PENERIMAAN					PENYERAHAN				
Tarikh Terima	Wang Diterima	Bagi Bulan	Wang Tunai atau Money Order	No. Surat Berdaftar atau Money Order	Tarikh Serah	Wang Diserah	Nama Penerima	Tanda Tangan	Lain-lain Hal
15.2.76	\$20.00	Nov. 75	cek	BHP 41063	11.3.1976	\$20.00	Rodziah bt. Haji Tahir	t.t. Rodziah	-

Sumber: Maklumat Penting Pejabat Ugama Daerah Teluk Anson

Petunjuk:

1) Pembayar: Ahmad Hj. Mohamad
Balai Bomba Tapah.

2) Penerima: Rodziah bt. Hj. Tahir
Parit I Sungai Rombai
Chikus.

3) Kira-Kira Nafkah:
Anak:
1) Azizah bt. Ahmad.
2) Azizi bin Ahmad.